

# EAEC tetap jadi realiti — Mahathir

Oleh ZULKIFLEE BAKAR  
dan SITI HATIJA YUSOF

**K**UALA LUMPUR 25 Okt. — Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) akan tetap menjadi realiti walaupun tanpa penyertaan Jepun, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, ASEAN dan negara-negara lain yang berminat boleh menubuhkan EAEC walaupun tanpa gerasi Asia itu.

Katanya, ini kerana Jepun boleh menyertai perundingan itu bila-bila masa yang sesuai kerana "pintu sentiasa terbuka."

"Sepatutnya ia (EAEC) berjalan sebelum Jepun menyertainya. Bagaimanapun, ini terpujang kepada ASEAN dan negara-negara lain yang ingin menyertai EAEC sama ada hendak menubuhkan EAEC walaupun Jepun tidak menyertainya.

"Kita ikut sahaja, kalau tidak ada Jepun pun, okey juga," katanya kepada pemberita di Lapangan

Terbang Antarabangsa di Subang sekembalinya dari Fukuoka, Jepun.

Dr. Mahathir berkata demikian kepada para pemberita sekembalinya dari lawatan kerja lima hari ke Jepun di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur Subang dekat sini, hari ini.

Turut menyambut kepulangan beliau ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Megat Junid Megat Ayub.

Jumaat lepas di Oita, Jepun, Perdana Menteri secara terbuka membidas Jepun di atas sikapnya yang terlalu mengutamakan kepentingan Amerika Syarikat sehingga sanggup membelakangkan negara-negara Asia Timur dan Asia Tenggara yang sepatutnya disokong dan dibantu.

Beliau juga menegaskan tingkah laku Jepun mengecewa-

■ Lihat muka 2

# EAEC tetap jadi realiti — PM

kan Malaysia terutama sekali keberatan menyokong penubuhan EAEC semata-mata kerana ingin menjaga hati Amerika Syarikat.

Ditanya mengenai reaksi pemimpin Jepun di atas sikap berani beliau membidas mereka, Dr. Mahathir berkata, "Masih terlalu awal untuk buat penilaian mengenai sikap pemimpin Jepun, apa yang penting bagi saya peluang untuk bercakap dengan rakyat Jepun itu melalui televisyen mengenai pendirian kita."

Perdana Menteri berkata, apa yang dilihatnya antara punca utama Jepun menolak EAEC adalah kerana para pemimpinnya kurang memahami mengenai penubuhan EAEC termasuklah pihak media negara itu.

"Ada yang pganggap kita (Malaysia) menentang Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC), ada yang menyebut bahawa APEC *versus* EAEC, saya terpaksa jelaskan bukannya ada pertentangan bahkan EAEC merupakan satu fokus di dalam APEC. Ini nam-

pak salah faham kerana kurangnya liputan," katanya.

Dr. Mahathir berkata, salah faham ini juga berlaku di kalangan para pemberita Jepun di mana dalam satu wawancara beliau dengan radio Jepun pagi ini, beliau ditanya adakah Malaysia anti APEC.

"Saya jelaskan kita tidak anti kepada APEC... Saya juga nampak ketidakfahaman di wajah pemberita itu. Mungkin kerana kita tidak betul-betul berpeluang menghadapi soalan daripada mereka yang mana soalan ini mendedahkan bahawa mereka tidak faham.

"Dalam pertemuan yang saya adakan di Fukuoka dan tempat-tempat lain, mereka (pemberita) bertanya, ini menunjukkan sebenarnya mereka tidak faham tentang EAEC," katanya.

Ditanya kemungkinan corak politik di Jepun menghalang pemimpinnya untuk menerima EAEC, Dr. Mahathir berkata, beliau tidak menafikan politik di

negara itu juga mendorong pemimpin menolak gagasan tersebut.

Katanya, ini kerana sistem politik di negara itu yang menentukan seseorang Perdana Menteri hanya boleh menjadi Perdana Menteri untuk tempoh dua tahun atau paling lama empat tahun sahaja.

"Ini menyebabkan mereka (Perdana Menteri) tidak berpeluang membawa sebarang reformasi dan takut tentang kesan pada tindakan mereka, sebelum mendapat hasilnya.

## Keputusan

"Justeru itu sukar bagi mereka menukar untuk membuat keputusan. Sistem lebih berkesan daripada personaliti pemimpin," katanya.

Menurut Dr. Mahathir, sepatutnya para pegawai kerajaan negara itu harus lebih mengetahui mengenai EAEC ini lebih-lebih lagi yang pernah berkhidmat di Malaysia.

Mengenai laporan baru-baru ini yang menyatakan Perdana Menteri Australia

ke Jepun berkemungkinan untuk mempengaruhi kerajaan negara itu agar menolak EAEC, Dr. Mahathir berkata;

"Saya berpendapat ada negara-negara luar yang menekan Jepun untuk tidak menyokong EAEC. Malah mereka tidak segan-segan kata tak nak EAEC wujud dan tidak mahu Jepun menyertainya.

"Mereka juga berpendapat tanpa penyertaan Jepun EAEC tidak boleh wujud kalau wujud pun, tidak kuat."

Bagaimanapun, Dr. Mahathir juga melahirkan rasa puas hatinya kerana dapat berpeluang bercakap dengan rakyat Jepun melalui wawancara dan liputan siaran televisyen negara yang jumlah keseluruhan liputan adalah lebih tiga jam.

"Semalam melalui Badan Penyiaran Fukuoka, Tokyo lebih 30 juta penonton pada waktu 'prime time' dengan jangka masa 20 minit untuk soal jawab," katanya.

Dr. Mahathir juga tidak menafikan media Jepun ini

bersikap lebih baik dengan memberikan peluang kepada pemimpin kecil seperti itu untuk menyatakan pendirian.

"Saya akui perkara itu, mereka tidak seperti (media) Australia umpamanya, yang cuba cara tipu, campuradukkan ucapan lain dengan jawapan lain.

"Itu tidak berlaku (di Jepun), saya diberi peluang secara terus melalui penyiaran, apa yang disoal dan apa yang dijawab tiada percubaan untuk menukarkan untuk memberi makna yang lain. Saya dapat bercakap terus melalui televisyen," katanya.

Menurut Perdana Menteri perbincangan dengan panel-panel ketika wawancara itu juga memberikan perhatian kepada Malaysia.

"Pada pendapat saya ia amat baik mungkin membawa kesan daripada segi lawatan pelancong-pelancong Jepun ke negara kita, seperti satu iklan," katanya.